

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
(KOTA SAMARAHAN)**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan tindakan Kerajaan menggantikan kemudahan perumahan anggota tentera yang uzur khususnya di kawasan Kuching dan Kota Samarahan.

JAWAPAN

Kerajaan melaksanakan senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) secara menyeluruh di semua RKAT seluruh negara termasuk di Sarawak dan Sabah. RKAT yang telah uzur akan dan sedang dinaiktaraf (*Total Maintenance 2 to 1*) di mana setiap 2 unit RKAT lama, dinaiktaraf kepada 1 unit RKAT bagi memastikan keselesaan keluarga warga tentera dengan setiap rumah yang dinaiktaraf mempunyai sekurang-kurangnya 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Senggaraan ini adalah menggunakan peruntukan *one-off* daripada Kementerian Kewangan.

RKAT yang terdapat di daerah Kuching adalah terletak di Kem Penrissen. Pada tahun 2019, kerja-kerja senggaraan naik taraf dari 2 unit kepada 1 unit telah dilaksanakan yang melibatkan sebanyak 24 unit RKAT. Bagi tahun 2020, terdapat 3 blok yang dinaiktaraf dari 2 unit kepada 1 unit yang melibatkan sebanyak 72 unit RKAT.

Di daerah Kota Samarahan pula, terdapat pasukan 1 Rejimen Semboyan Diraja. Pada ketika ini tiada RKAT di kawasan Kem Muara Tuang. Dengan demikian, sewaan secara berkelompok dilaksanakan secara kontrak selama 3 tahun bagi menampung keperluan RKAT pasukan. Terdapat sewaan kelompok sebanyak 4 buah banglo bagi kegunaan

NO SOALAN : 385

pegawai. Manakala 182 unit rumah disewa secara berkelompok di Blok 59, Muara Tuang Land District, Kota Samarahan.

Selain itu, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12), Kementerian Pertahanan telah merancang untuk melaksanakan RKAT Bina Baharu sebanyak 2,348 unit di beberapa lokasi di negeri Sarawak.

Terima kasih.